




Agong berkenaan menerima menghadap, berbuka puasa bersama PM

April 18, 2023 @ 10:52pm



Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (kanan) berkenaan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mesyuarat pra-Kabinet di Istana Abdulaziz, Kuantan, hari ini. - Foto ihsan FB Istana Negara.

KUANTAN: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenaan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mesyuarat pra-Kabinet di Istana Abdulaziz, di sini hari ini.

Mesyuarat itu adalah aktiviti mingguan Al-Sultan Abdullah untuk berbincang dan bertukar pendapat dengan Perdana Menteri dalam urusan serta isu berkaitan kerajaan.

Mesyuarat yang bermula pada 6 petang itu berlangsung selama kira-kira sejam, sebelum disusuli dengan majlis berbuka puasa di Dewan Santapan Besar istana berkenaan.

Turut berangkat ke majlis berbuka puasa itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan anakanda-anakanda Seri Paduka termasuk Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah.

Selain itu, majlis turut disertai Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan barisan pentadbiran kerajaan negeri serta pegawai kanan kerajaan.

Sebelum itu, Perdana Menteri turut bertemu dengan lebih 3,000 penjawat awam negeri ini di Kompleks Bandaraya Kuantan (MBK) di sini, bagi menyampaikan amanat beliau.